

HISTORIOGRAFI LIBERALISME DALAM DASAR LUAR AMERIKA SYARIKAT

HISTORIOGRAPHY OF LIBERALISM IN UNITED STATES FOREIGN POLICY

Muhammad Muaz Malik^{1*}, Muhammad Faiz Mukmin Abdul Mutalib², Salman Zainal Abidin³

¹Pelajar Sarjana, INHAD, Universiti Islam Selangor, muazzmalik93@gmail.com

²Pensyarah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, faizmukmin@kuis.edu.my

³Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, salman@kuis.edu.my

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 02 Jan 2024

| Selepas Pembedaan: 30 April 2024

| Diterima untuk terbit: 27 Mei 2024

Abstrak

Dalam pengajian Islam, kajian terhadap liberalisme dapat diperhatikan antaranya dalam aspek historiografi ideologi ini. Walau bagaimanapun, kajian sejarah ideologi ini dalam dimensi politik antarabangsa, khususnya dalam konteks dasar luar kuasa Barat pada hari ini – khususnya Amerika Syarikat – masih belum dilaksanakan dalam pengajian Islam. Sorotan dari sudut literatur mendapati bahawa bahawa topik tersebut sama ada hanya diulas secara ringkas atau tidak menjadi fokus dalam kajian sama sekali. Sehubungan dengan itu, untuk mendiskripsikan sejarah dan perkembangan “liberal internasionalisme” dalam dasar luar Amerika Syarikat semenjak era kemerdekaan Amerika Syarikat dan sehinggalah era pasca Perang Dingin, kajian ini dengan menggunakan kaedah kualitatif – kajian dokumen dan kajian pensejarahan – akan menganalisis sumber-sumber daripada literatur hubungan antarabangsa. Kajian ini mendapati bahawa liberalisme dalam bentuk tradisi dan ideologi dasar luar Amerika Syarikat dapat dilihat dalam agenda dan usaha Washington yang berusaha untuk mempromosi dan mempertahankan demokrasi di seluruh dunia dalam sejarah dasar luarnya.

Kata kunci

Historiografi, liberal internasionalisme, amerika syarikat, promosi demokrasi

Abstract

In Islamic studies, the study of liberalism can be observed among other aspects in the historiography of this ideology. However, the study of the history of liberalism in the dimension of international politics, especially in the context of the foreign policy of Western powers today – especially the United States – has not yet been implemented in Islamic studies. A review of the literature found that the topic was either only commented on briefly or was not the focus of the study at all. Therefore, to describe the history and development of "liberal internationalism" in the foreign policy of the United States since the era of independence and until the post-Cold War era, this study will use qualitative methods - document research and historical research - to analyze sources from international relations literature. This study found that liberalism in the form of the tradition and ideology of the United States foreign policy can be seen in the agenda and efforts of Washington that seeks to promote and defend democracy around the world in the history of its foreign policy.

Keywords

Historiography, liberal internationalism, united states of america, democracy promotion

1.0 Pendahuluan

Liberalisme adalah merupakan antara ideologi moden terpenting yang mencorak tamadun Barat hari ini, dan seperti mana ideologi moden Barat yang lain, liberalisme dalam sejarah kemunculannya dimaklumi mempunyai hubungan yang bermusuhan dengan gereja dan membelakangkan Tuhan dan agama (Yaacob, 2021). Selain mencorak tamadun Barat moden, ideologi ini juga mencorak hubungan antarabangsa kuasa Barat seperti Amerika Syarikat (Harris, 2018; Husaini, 2014). Dalam lapangan keilmuan Islam, kajian terhadap liberalisme telah dilakukan secara meluas sama ada dari sudut ancaman pemikiran, gerakan dan individu yang membawa idealisme liberal dan sehinggalah kepada sejarah yang melatari kemunculan ideologi liberal (Ramli, 2018, hlm. 16).

Liberalisme secara umumnya dalam pengajian Islam telah dikaji dari sudut idea-idea dan projek yang cuba dibawanya dalam masyarakat dan negara. Liberalisme dengan kata lain telah dikaji bukan sahaja dalam aspek perbahasan falsafah dan idea-idea fundamental yang mendasari ideologi ini, malah kajian terhadapnya turut berfokus pada individu dan kumpulan yang menggerakkan aspirasi liberalisme dalam membangunkan masyarakat dan negara. Kajian terhadap liberalisme tertumpu pada pelbagai topik, antaranya seperti cabaran pemikiran yang dibawa liberalisme dan kesannya terhadap umat Islam, para aktor atau organisasi liberal yang membawa ancaman pemikiran terhadap umat Islam, dan kajian intipati pemikiran liberal yang berfokus pada membedah sejarah liberalisme atau mengkritik teras-teras ideologi liberal (Bakar & Jamaluddin, 2014).

2.0 Pernyataan Masalah

Kajian yang telah dilaksanakan dalam pengajian Islam menjurus kepada konklusi bahawa dalam ranah pemikiran, ancaman liberalisme yang bersifat ideologikal dan mengancam akidah umat Islam adalah satu realiti. Manakala para individu dan gerakan yang mengangkat agenda dan pemikiran liberal telah dirumuskan membawa ancaman yang sama namun dibahaskan dalam konteks masyarakat dan negara (Wahab M. R., 2019). Disamping faktor ancaman pemikiran yang dibawa oleh ideologi ini, antara aspek yang menjadi fokus para pengkaji dalam pengajian Islam terhadap ideologi moden Barat ini adalah kajian historiografi.

Liberalisme telah diteliti sejarahnya oleh para pengkaji dalam pengajian Islam untuk dijejaki asal usul kemunculan dan perkembangan yang berlaku dalam ranah idea-idea yang terkandung dalam liberalisme dan impaknya terhadap Malaysia (Salleh, Zakaria, & Haridi, 2018; Yaacob, 2021; Mohamad Kamil, 2022). Walau bagaimanapun, sejarah tradisi liberal dalam dasar luar Amerika Syarikat selaku kuasa utama dunia Barat pada hari ini didapati masih terdapat kelompondan kajian terhadapnya dalam pengajian Islam. Dimensi liberalisme dalam politik antarabangsa kuasa Barat ini jika disoroti dari sudut literatur pengajian Islam, dapat diperhatikan dalam kajian yang telah dilaksanakan

bahawa topik tersebut sama ada hanya diulas secara ringkas atau sepintas lalu (Harris, 2018, hlm. 26; Awang, 2021, hlm. 70-1; Mohamad Kamil, 2022, hlm. 64-5), atau tidak menjadi fokus dalam kajian sama sekali (Salleh, Haridi, Ismail, & Noor, 2021; Wahab M. R., 2017; Bakar & Jamaluddin, 2014; Suharto, 2012; Zarkasyi, 2009; Muammar, 2009). Dengan kata lain, kajian yang lebih khusus terhadap ancaman liberalisme yang datang daripada kuasa Barat belum dilakukan secara mendalam dalam pengajian Islam.

Liberalisme dalam dasar luar Amerika Syarikat ini adalah subjek yang relevan untuk dikaji kerana selain belum diterokai secara mendalam dalam konteks pengajian Islam sendiri, kajian terhadap dasar luar kuasa dunia liberal (*liberal great power*) ini dapat memberikan jawapan dan gambaran yang lebih menyeluruh terhadap dua perkara. Pertama, berdasarkan kajian Muhammad Rashidi Wahab et al. (2019), golongan liberal di Malaysia telah berusaha untuk mengangkat idea Malaysia adalah sebuah negara sekular, dan idea negara sekular ini pula cuba dilaksanakan oleh golongan liberal dengan mempromosikan sistem demokrasi liberal. Walaupun kajian dalam pengajian Islam telah mengangkat topik promosi demokrasi ini (Ramlil, 2018; Wahab M. R., 2019), aktor yang lebih besar yang mendokong demokrasi liberal pada peringkat antarabangsa tidak diperluaskan analisisnya, sekaligus tidak memberikan gambaran yang menyeluruh tentang siapakah penggerak utama usaha promosi demokrasi. Kedua, kajian sains politik di Malaysia menghujahkan bahawa pengkritik promosi demokrasi di Malaysia memiliki pemahaman yang salah terhadap realiti promosi demokrasi dan ada diantaranya berbaur teori konspirasi (Ismail M. T., 2019). Akan tetapi literatur sains politik yang dihasilkan ini mengemukakan konklusi yang bersifat separuh masuk kerana tidak meneliti aspek jaringan transnasional liberalisme dan aspirasi ideologikal Amerika Syarikat disebalik usahanya mendokong promosi demokrasi di seluruh dunia (John M. Owen, 2001-2002; Mearsheimer, 2018).

Oleh yang demikian, untuk memahami sejarah liberalisme dalam ranah antarabangsa ini khususnya dalam dasar luar Amerika Syarikat, tulisan ini setelah menjelaskan metodologi yang akan digunakan – kualitatif deskriptif – pertama-tamanya akan membincangkan terlebih dahulu apakah yang dirujuk sebagai liberalisme dalam politik antarabangsa ini dan diikuti dengan deskripsi sejarah perkembangan *liberal internasionalisme* yang wujud dalam tradisi dasar luar Amerika Syarikat sehingga era pasca Perang Dingin.

3.0 Metodologi

Kaedah yang digunakan dalam tulisan ini adalah berbentuk kualitatif. Antara pendekatan yang diaplikasikan adalah kajian dokumen terhadap literatur-literatur hubungan antarabangsa. Literatur yang dikaji antaranya adalah tulisan sarjana liberal seperti G. John Ikenberry dan Tony Smith atau sarjana bukan liberal seperti Michael Mandelbaum, John J. Mearsheimer dan Stephen M. Walt. Kajian ini turut menggunakan kajian persejarahan yang bertujuan untuk membentangkan sinoptik sejarah liberalisme dalam dasar luar Amerika Syarikat dengan berdasarkan kepada literatur hubungan antarabangsa tersebut. Literatur-literatur hubungan antarabangsa yang dianalisis ini ditulis menurut perspektif paradigma hubungan antarabangsa yang berbeza (realisme dan liberalisme), dan bersifat sama ada mendukung dan menjelaskan dasar luar liberal Washington atau mengkritik dasar luar liberal tersebut dengan mengemukakan dasar

luar alternatif (*restraint, offshore balancaing*). Meskipun begitu, kajian ini akan mengambil kesemua perspektif para sarjana hubungan antarabangsa ini dalam untuk mendiskriptifkan secara sinoptik sejarah liberalisme dalam dasar luar Washington.

4.0 Liberalisme Dalam Politik Antarabangsa

Dalam sejarah dan perkembangan politik antarabangsa, kebangkitan liberalisme dalam arena antarabangsa menurut sarjana liberal dapat dilihat antaranya pada peningkatan status negara-negara demokrasi. Daripada negara yang lemah dan berstatus minoriti pada abad ke-18 hinggalah kepada status negara-negara yang kaya dan dominan pada penghujung abad ke-20 (Ikenberry, 2011). Kebangkitan Amerika Syarikat daripada negara yang lemah (*weak power*) pada abad ke-18 hingga kepada negara yang berstatus *hyperpower* pada awal abad ke-21 adalah salah satu contohnya (Mandelbaum, 2022). Selain gelombang kebangkitan demokrasi di sepanjang sejarah sehingga awal abad ke-21, transformasi dalam ranah politik antarabangsa juga dapat dilihat dalam penyebaran dan kemajuan dua lagi fenomena utama iaitu globalisasi dan peningkatan jumlah institusi serantau dan antarabangsa. Globalisasi dan institusi antara kerajaan (*intergovernmental institutions*) ini juga dinilai oleh sarjana liberal sebagai manifestasi kebangkitan liberalisme dalam ranah antarabangsa (Russett, 2011, hlm. 181 & 185). Kebangkitan liberalisme dalam politik antarabangsa ini diujahkan oleh para pendukung liberalisme memiliki kesan transformatif yang positif dalam hubungan antara negara, menjaga kepentingan Washington, dan menjadikan dunia lebih aman dan stabil (Lynn-Jones, 1998; Doyle, 2012)

Sementara itu, pengaruh besar liberalisme dalam wacana politik antarabangsa Barat pada pasca-Perang Dingin dapat dilihat dalam tafsiran oleh para ahli akademik, media, dan politikus di Barat yang melihat pengakhiran Perang Dingin sebagai memasukkan fasa baru sebuah tatanan dunia yang liberal. Liberalisme menurut pendukung kuatnya seperti Francis Fukuyama telah memenangi persaingan ideologi pada abad ke-20 (Fukuyama, 2005). Tumpasnya komunisme sebagai ideologi yang mengatur sistem politik dan ekonomi seperti membenarkan andaian liberalisme tentang perkembangan sejarah yang progresif yang menuju ke arah merealisasikan kebebasan individu, kemakmuran dan keamanan pada peringkat domestik dan antarabangsa (Jahn, 2013). Lebih lanjut lagi, demokrasi dan liberalisme berdasarkan naratif "*endism of history*" menegaskan aspek legitimasi dan dakwaan sifat universal yang dimiliki oleh kerajaan yang liberal, dan berdasarkan daripada naratif yang sama juga masyarakat di seluruh dunia didakwa tidak mempunyai banyak pilihan dalam bagaimana untuk mengatur negara mereka dari sudut politik dan ekonomi selain daripada menerima sistem demokrasi liberal (Drammeh, 2009, hlm. 117-122)

5.0 Liberal Internasionalisme Dalam Dasar Luar Amerika Syarikat

Liberal internasionalisme sebagai ideologi dalam dasar luar Amerika Syarikat berfungsi menakrifkan kedudukan kuasa Barat tersebut dalam pentas antarabangsa dan orientasi liberal Washington dalam dasar luar ini mempunyai sokongan dan asas intelektual dalam kajian hubungan antarabangsa seperti teori keamanan demokrasi (Russett, 2011; Smith, 2017). Selain merupakan manifestasi kepada *American exceptionalism* (Callaghan et al., 2019, hlm. 14), liberal internasionalisme ini juga berperanan dalam pembentukan

tatanan antarabangsa liberal (*liberal international order*) yang dibangunkan oleh kuasa liberal Barat seperti British dan Amerika Syarikat pada abad ke-20 dan 21 (Ikenberry, 2011; Layne, 2018; Mearsheimer, 2019). Amerika Syarikat seperti yang diketahui mengamalkan sistem demokrasi dan tradisi liberal yang kuat didapati wujud pada peringkat politik domestiknya. Oleh yang demikian, liberal internasionalisme Amerika Syarikat ini dapat difahami secara ringkas sebagai lanjutan liberalisme daripada ranah domestik Amerika Syarikat kepada ranah dasar luar Amerika Syarikat (Owen J. M., 2018). Dengan kata lain juga, "liberal internasionalisme" ini adalah merupakan satu konsep yang merujuk sebagai pemikiran, strategi dan amalan dalam dasar luar Amerika Syarikat yang bersumberkan daripada liberalisme (Smith, 2007; Smith, 2011).

Sebelum mendapatkan konklusi kajian, liberal internasionalisme sebagai tradisi liberal dalam dasar luar Amerika Syarikat akan dibedah terlebih dahulu dari segi sejarah kemunculan dan kebangkitannya. Berdasarkan kajian sejarah perkembangan konseptual yang dilaksanakan oleh Tony Smith, liberal internasionalisme dapat dijejaki pada seawal kemerdekaan Amerika Syarikat daripada empayar British (2007, hlm. 60). Sebagai ideologi dalam dasar luar, liberal internasionalisme dalam sepanjang sejarah Amerika Syarikat telah menempuhi beberapa zaman yang berbeza dan konteks peristiwa yang pelbagai. Memandangkan liberal internasionalisme memiliki latar sejarah yang lebih daripada seabad, pemikiran dan amalan dasar luar yang terkandung di dalamnya telah mengalami banyak perkembangan dan perubahan meskipun idea-idea terasnya seperti demokrasi dan falsafah liberalisme masih lagi kekal sama (Owen J. M., 2011; Smith, 2012). Dalam untuk membezakan satu era dengan satu era yang lain, tulisan ini dengan berdasarkan kepada kajian Tony Smith (2013) telah membahagikan sejarah perkembangan liberalisme dalam dasar luar Amerika Syarikat ini kepada empat tahap yang berbeza, iaitu: tahap pra-klasik, tahap klasik, tahap hegemoni, dan tahap imperialis.

5.1 Tahap Pra-Klasik Liberal Internasionalisme (Revolusi Amerika dan Kemerdekaan Amerika Syarikat)

Sejak penubuhan Amerika Syarikat pada 200 tahun yang lalu, dihujahkan bahawa kelahiran Amerika Syarikat adalah sebagai satu bentuk eksperimen politik liberal yang sentiasa berjalan terhadap bentuk kerajaan sendiri (*self-government*) (Allison, 2022). Michael Mandelbaum (2022) dalam menghuraikan ciri-ciri tersendiri dasar luar Amerika Syarikat menyatakan bahawa, wujud aspek ideologi dalam dasar luar Washington yang berkeinginan untuk menyebarkan dan mengubah sistem politik negara lain kepada yang bersistemkan demokrasi, sama ada melalui pendekatan negara contoh (*the force of the American example*) pada abad ke-18 dan kemudiannya melalui penggunaan kuasa ekonomi dan ketenteraan pada abad ke-20 dan 21. Pada era Revolusi dan Kemerdekaan Amerika Syarikat daripada empayar British, dapat dijejaki banyak pandangan yang diutarakan oleh tokoh-tokoh penting Amerika Syarikat pada zaman ini yang jelas menonjolkan visi dan projek politik liberalisme yang diwakili oleh penubuhan Amerika Syarikat (Smith, 2013, hlm. 20). Di antara bapa pengasas Amerika Syarikat, Thomas Paine melalui tulisannya "*Common Sense*", masyhur dengan sokongan dan kepercayaannya terhadap sistem kerajaan sendiri atau pemerintahan yang didasarkan kepada kehendak atau persetujuan rakyat (Onion, Sullivan, & Mullen, 2022).

Sementara itu, perbezaan pendapat antara Alexander Hamilton dengan Thomas Jefferson tentang Revolusi Perancis dan keributan yang dibawa oleh revolusi tersebut di benua Eropah merupakan salah satu perkembangan liberal internasionalisme Amerika Syarikat pada tahapnya yang awal. Walaupun berbeza pendirian, dua bapa pengasas Amerika Syarikat ini disamping masih menampilkan sikap yang mendokong sistem pemerintahan yang mengangkat kedaulatan rakyat (yang juga merupakan antara intipati idea yang dibawa oleh Revolusi Perancis), kedua-dua mereka boleh bersetuju bahawa hasil daripada kebangkitan dan kekacauan yang berlaku di Eropah tersebut akan memilih satu sistem kerajaan yang dominan – iaitu sistem republik yang demokratik – yang bakal mempunyai pengaruh dalam hal ehwal antarabangsa (Smith, 2007, hlm. 61). Meskipun George Washington mengusulkan dasar “neutraliti” dan tidak mahu Amerika Syarikat mempunyai keterlibatan dalam perjuangan dan hal ehwal yang berlaku Eropah ini, hal tersebut juga tidak menyebabkan Amerika Syarikat pada masa akan datang terhalang daripada cenderung untuk menyokong aspirasi dan perjuangan yang mengangkat sistem pemerintahan yang demokratik di serata dunia (Smith, 2013, hlm. 20).

Secara umumnya, Amerika Syarikat dalam tempoh hampir seabad semenjak penubuhannya telah bertindak dalam dasar luar bersesuaian dengan kemampuan dan statusnya sebagai kuasa yang lemah dan kecil. Liberal internasionalisme pada tahap pra-klasik ini disamping masih belum memiliki kerangka konseptual, visi dan projek yang jelas dalam politik antarabangsa (Smith, 2012), kedudukan Amerika Syarikat sebagai negara yang lemah dalam tempoh seratus tahun pertamanya telah mendorong Washington kepada lebih memberikan fokus dalam untuk mempertahankan kemerdekaannya daripada empayar British. Disamping berusaha untuk memelihara kedaulatannya, Amerika Syarikat juga telah berusaha untuk memperluaskan wilayahnya di Amerika Utara – yang asalnya hanyalah 13 koloni di sepanjang pesisir lautan Atlantik – sehingga ke pesisir lautan Pasifik (Mandelbaum, 2022). Secara khususnya pula, liberalisme telah pun terpasak pada projek politik domestik Amerika Syarikat semenjak daripada awal penubuhannya. Akan tetapi liberalisme dalam ranah domestik Amerika Syarikat ini belum diterjemahkan kepada dasar luar seperti promosi demokrasi di negara asing. Oleh yang demikian, kepentingan demokrasi dalam dasar luar Amerika Syarikat pada era ini hanya wujud dalam bentuk keprihatinannya terhadap nasib demokrasi di negara luar, dan bukan dalam bentuk dasar luar rasminya.

5.2 Tahap Klasik Liberal Internasionalime (era Woodrow Wilson)

Perang Amerika-Sepanyol pada 1898 selain merupakan detik yang memunculkan Amerika Syarikat sebagai kuasa dunia (*great power*), perang tersebut juga menandakan peralihan liberal internasionalisme Amerika Syarikat daripada tahap pra-klasik kepada tahap klasik (Smith, 2013, hlm. 21; Mizokami, 2022). Menandai kebangkitannya sebagai kuasa dunia dalam politik antarabangsa, pendekatan Amerika Syarikat dalam dasar luar tidak lagi bersikap *low profile* sebagai kuasa yang lemah dan Washington mula menggunakan kuasa ketenteraan bagi membantu merealisasikan visi liberalnya dalam dasar luar. Perubahan tindak tanduk Amerika Syarikat yang lebih menonjol dalam mengangkat agenda antarabangsanya ini adalah seiring dengan perubahan keupayaan dan status yang dimilikinya (Mandelbaum, 2022). Penggunaan kuasa ketenteraannya untuk agenda liberal ini adalah seperti yang berlaku dalam sokongan Amerika Syarikat terhadap kemerdekaan Cuba daripada empayar Sepanyol yang pada akhirnya berlanjut kepada Perang Amerika-Sepanyol (Trask, 2011; Smith, 2007, hlm. 62). Walau

bagaimanapun, idea, konsep dan projek antarabangsa liberal pada zaman awal era klasik liberal internasionalisme ini belum jelas sehinggalah kemunculan Woodrow Wilson pada awal abad ke-20.

Kemunculan Woodrow Wilson adalah sangat penting dalam sejarah perkembangan liberal internasionalisme kerana presiden ke-28 Amerika Syarikat ini telah meletakkan asas-asas yang jelas bagi liberal internasionalisme sebagai ideologi dasar luar Washington. Wilson antaranya berperanan dalam memberikan kerangka konseptual untuk liberal internasionalisme Amerika Syarikat, meletakkan hujah sekular dari sudut sejarah dan superioriti budaya Amerika Syarikat – menukarkan hujah agama dan perkauman yang digunakan pada sebelum era Wilson – bagi melegitimasi perluasan kuasa Washington ke seluruh dunia, serta mengangkat pemikiran yang menjadi tunjang kepada dasar luar Amerika Syarikat pada hari ini (Smith, 2011, hlm. 230-1). Menurut Michael Mandelbaum dalam bukunya *The Ideas That Conquered The World: Peace, Democracy, And Free Markets In The Twenty-first Century* (2002), Wilson telah mengemukakan program transformatif terhadap ranah politik antarabangsa dengan visi liberal dalam projek tatanan antarabangsa pasca perangnya. Visi penting liberalisme dalam politik antarabangsa yang dibawa oleh Wilson tersebut antaranya menyeru kepada perluncutan senjata (*disarmament*), menyingkirkan halangan kepada perdagangan antarabangsa dan juga menekankan tentang kepentingan demokrasi dalam untuk menjamin keamanan dan menyeru kepada mempromosikan sistem politik tersebut (Mandelbaum, 2002, hlm. 24-39; Thompson, 2013).

Pada tahap klasik liberal internasionalisme ini, dasar promosi demokrasi yang dikemukakan oleh presiden ke-28 Amerika Syarikat tersebut adalah sangat penting berbanding polisi lain seperti kepentingan institusi antarabangsa (Liga Bangsa) dan perdagangan bebas. Disamping dasar promosi demokrasi, peranan kepimpinan AS dalam pentas politik dunia juga adalah sangat signifikan dalam visi liberal Wilson terhadap politik antarabangsa (Smith, 2017, hlm. 1-38). Promosi demokrasi dan kepimpinan Amerika Syarikat ini adalah sangat signifikan kerana tanpa demokrasi sebagai sistem politik yang dominan dalam dunia, politik antarabangsa menurut naratif liberal internasionalisme selain cenderung tidak selamat untuk negara demokrasi seperti Amerika Syarikat, institusi antarabangsa yang liberal dan perdagangan bebas juga secara semula jadinya tidak dapat wujud dan bertahan melainkan terdapat kuasa dunia liberal (*liberal great power*) yang mempromosi dan mempertahankannya dalam politik antarabangsa (Smith, 2013, hlm. 18; 20; Ikenberry, 2011, hlm. 191-3; Owen J. M., 2018). Walaupun Wilson adalah presiden Amerika Syarikat yang meletakkan visi dan projek liberal yang lebih jelas dalam dasar luar Washington, dasar luar liberal beliau pada zamannya bukan sahaja tidak mendapat sambutan daripada kalangan rakyat Amerika Syarikat yang masih kuat dengan pendirian isolasionis (Callaghan et al., 2019, hlm. 24-25), malah sekutu-sekutu Washington pada pasca Perang Dunia Pertama juga tidak mendokong visi liberal yang dibawa oleh Wilson (Thompson, 2013, hlm. 62).

5.3 Tahap Hegemonik Liberal Internasionalisme (pasca Perang Dunia Kedua)

Jika fasa klasik tradisi liberal dasar luar Amerika Syarikat ditandai dengan kepresidenan Woodrow Wilson, tahap hegemonik bagi liberal internasionalisme Amerika Syarikat ini ditandai dengan kepresidenan Franklin D. Roosevelt (FDR) - serta juga para presiden

selepas FDR seperti Harry S. Truman - yang telah memberikan nafas baru kepada visi Woodrow Wilson dalam dasar luar Amerika Syarikat (McCulloch, 2013; Smith, 2013). Selepas Perang Dunia Kedua berakhir dengan kekalahan Nazi Jerman dan penyerahan kalah Imperial Jepun, Amerika Syarikat dibawah FDR seperti mendapat peluang kedua bagi membangunkan semula dan seterusnya menambah baik projek liberal internasionalisme untuk tatanan antarabangsa yang pernah diperjuangkan oleh Woodrow Wilson (Ikenberry, 2011, hlm. 17; 20; 162-6). Antara usaha promosi demokrasi Amerika Syarikat yang signifikan pada era ini adalah mengubah dua negara kuasa dunia (*great power*) iaitu Jerman dan Jepun menjadi demokrasi liberal (Smith, 2012, hlm. 146-176; Morgan, 2021). Disamping itu, agenda institusi antarabangsa Woodrow Wilson yang pernah terkandas pada awal abad ke-20 juga telah dihidupkan kembali oleh para presiden Amerika Syarikat pada era pasca Perang Dunia Kedua ini dengan penubuhan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Akan tetapi, dengan dunia beralih kepada sistem antarabangsa yang bipolar, Perang Dingin telah menuntut Amerika Syarikat supaya membangunkan dasar luarnya dalam konteks untuk membendung Kesatuan Soviet. Hal ini telah menyebabkan projek liberal internasionalisme pada pasca Perang Dunia Kedua yang berfokus pada membangunkan tatanan liberal (*liberal order*) telah didominasi oleh strategi pembendungan (*containment*) terhadap Kesatuan Soviet (Ikenberry, 2011, hlm. 167-8).

Dari era 1950-an hingga 1980-an, politik antarabangsa dibentuk oleh persaingan keselamatan yang sengit antara Washington dan Moscow tanpa dinafikan peranan yang turut yang dimainkan oleh kuasa yang lain seperti China, negara-negara Eropah Barat dan Jepun. Walau bagaimanapun, perkembangan hubungan antara Washington dan Moscow adalah begitu penting berbanding negara yang lain memandangkan dua negara tersebut dilihat mewakili dua kutub ideologi (*ideological polarity*) yang berbeza – liberalisme dan komunisme – serta krisis dan perang pada era Perang Dingin ini adalah begitu berkait dengan persaingan keselamatan antara dua kuasa kutub kuasa (*power polarity*) ini (Haas, 2012; Sani, 2012). Berdasarkan doktrin Truman, rancangan Marshall, dan artikel *The Sources of Soviet Conduct*, dasar pembendungan menjadi asas kepada pendekatan AS dalam untuk menghadapi agenda perluasan kuasa Kesatuan Soviet (Sani, 2012, hlm. 13-16). Walaupun mempunyai asas intelektual yang berbeza – strategi pembendungan berasal daripada pemikiran realis dan projek membangunkan tatanan liberal adalah berasal daripada tradisi pemikiran liberal – projek liberal yang berfokus pada membangunkan tatanan liberal dalam kalangan negara-negara demokrasi kapitalis masih tetap berjalan disebalik kesengitan persaingan keselamatan antara Amerika dan Soviet (Smith, 2007, hlm. 68).

Persaingan antara AS dan Soviet jelas memiliki dimensi strategik, namun begitu wujud juga dimensi ideologinya seperti yang berlaku dalam perang Korea dan Vietnam pada 1950-an. Dalam kes penglibatan Amerika Syarikat di Vietnam dan semenanjung Korea, tindakan campur tangan China dalam perang Korea bagi menentang tentera PBB dan campur tangan sedikit demi sedikit Amerika Syarikat dalam krisis Vietnam telah memperhebatkan lagi persaingan keselamatan antara Amerika Syarikat dengan kuasa-kuasa komunis. Penglibatan Washington dalam dua perang proksi di Asia tersebut menurut Azizuddin Mohd Sani (2012, hlm. 19-24) adalah dipengaruhi oleh cita-cita Amerika Syarikat untuk membendung komunisme dan menyekat kesan domino daripada berlaku di Asia. Oleh yang demikian, di antara asbab penglibatan Amerika

Syarikat dalam perang Korea dan Vietnam adalah untuk menjaga kepentingan agenda demokrasi dan liberalisme yang didukung oleh Washington, dua agenda yang merupakan antara teras liberal internasionalisme (Folly, 2013, hlm. 94; Roper, 2013, hlm. 109-112).

Jelaslah bahawa pada era Perang Dingin, liberal internasionalisme masih merupakan sebahagian daripada landasan dalam pembentukan dasar luar Washington walaupun landasan utama dalam dasar luar Amerika Syarikat adalah strategi pembendungan (Smith, 2013, hlm. 23). Malah kedua-dua projek geopolitik Amerika Syarikat tersebut – strategi pembendungan dan projek pembinaan tatanan liberal – telah bergabung bersama pada penghujung 1940-an. Hal ini demikian kerana pembentukan kerjasama keselamatan dan hubungan ekonomi dengan negara-negara Eropah Barat dan Asia Timur yang merupakan sebahagian daripada usaha pembinaan tatanan liberal, juga adalah penting bagi Amerika Syarikat dalam untuk menghadapi Kesatuan Soviet melalui strategi pembendungan (Ikenberry, 2011, hlm. 168). Perikatan (*alliance*) dan institusi yang dibangunkan oleh Washington bersama dengan sekutu-sekutu liberal Baratnya ini dengan kata lain, adalah dibangunkan untuk kepentingan demokrasi dan liberalisme dalam untuk menghadapi ancaman yang bersifat ideologikal dan strategik daripada blok komunisme yang dipimpin oleh Moscow (Mearsheimer, 2019, hlm. 18; Sani, 2012, hlm. 13;17; 22).

5.4 Tahap Imperialis Liberal Internasionalisme (pasca Perang Dingin)

Dengan keruntuhan Kesatuan Soviet pada penghujung abad ke-20, dunia memasuki era unipolar di mana Amerika Syarikat adalah satu-satunya kuasa dunia dalam politik antarabangsa. Pada era pasca Perang Dingin ini, Amerika Syarikat adalah negara yang paling berkuasa di dunia terutamanya dalam lapangan ketenteraan (Monteiro, 2014, hlm. 1-3). Dengan statusnya sebagai *hyperpower* pada pasca Perang Dingin (Mandelbaum, 2022), Amerika Syarikat semakin mudah untuk memperluaskan tatanan liberal yang dibinanya di wilayah Eropah Barat dan Asia Timur ke seluruh dunia (Mearsheimer, 2019, hlm. 21-2). Keruntuhan Soviet pada awal 1990-an ini telah memposisikan Amerika Syarikat sebagai satu-satunya kuasa dunia (*hyperpower*) dalam politik antarabangsa, sekaligus meletakkannya dalam situasi yang ideal untuk melaksanakan dasar luar liberal seperti promosi demokrasi tanpa kekangan yang signifikan kerana Amerika Syarikat tidak lagi berada dalam sistem antarabangsa yang bipolar (Mearsheimer, 2018, hlm. 1,2 & 4).

Pada era 1990-an dan dekad-dekad yang seterusnya, disamping munculnya perdebatan dalam kalangan sarjana, politikus, dan pengulas berhubung bentuk dasar luar atau strategi agung (*grand strategy*) yang seharusnya dilaksanakan oleh Washington (Posen & Ross, 1996-1997), liberal internasionalisme pada pasca serangan ke atas Iraq pada tahun 2003 telah diperdebatkan dalam kajian dasar luar berhubung pengaruhnya terhadap pembentukan dasar luar Amerika Syarikat pada era ini (Deudney & Ikenberry, 2017; Mearsheimer, 2005; Porter, 2017). Antara para sarjana hubungan antarabangsa yang menghujahkan korelasi positif antara liberalisme dengan dasar luar Amerika Syarikat, seperti Piki Ish-Shalom (2013), Tony Smith (2007) dan Michael Desch (2007/2008), mereka berpendapat bahawa liberalisme sama ada dalam bentuk tradisi liberal Amerika Syarikat atau teori keamanan demokrasi mempunyai pengaruh terhadap

pemikiran dasar luar Amerika Syarikat dan seterusnya mendorongnya kepada tindakan politik dalam bentuk dasar luar seperti promosi demokrasi.

Menurut pemerhatian salah seorang tokoh sarjana hubungan antarabangsa yang terkemuka, John J. Mearsheimer, Amerika Syarikat semenjak awal era pasca-Perang Dingin telah berusaha untuk melaksanakan strategi dominasi global (*global domination*), yang mana objektifnya adalah disamping untuk memastikan Amerika Syarikat kekal sebagai satu-satunya negara yang paling berkuasa dalam politik antarabangsa, Washington melalui strategi yang sama juga berusaha untuk mewujudkan sebuah dunia yang dipenuhi oleh negara-negara demokrasi liberal melalui usaha promosi demokrasi (Mearsheimer, 2011, hlm. 18-19). Selain itu, Stephen Walt (2018) berhujah bahawa Amerika Syarikat pada era unipolar ini konsisten dalam berusaha untuk melaksanakan strategi agung hegemoni liberal (*liberal hegemony*). Strategi hegemoni liberal ini bertujuan untuk mengembangkan tata-tatanan liberal (*liberal order*) yang telah dibangunkan oleh Washington pada pasca Perang Dunia Kedua ke seluruh dunia, dan Amerika Syarikat dibawah strategi ini berusaha untuk menyebarkan demokrasi, mempromosikan globalisasi ekonomi, dan mencipta institusi antara kerajaan disamping mengembang dan memperkukuhkan intitusi yang telah diwujudkan (Walt, 2018, hlm. 49).

Memerhatikan perubahan yang berlaku dalam liberal internasionalisme Amerika Syarikat, para sarjana liberal dalam hubungan antarabangsa menghujahkan bahawa prioriti dalam dasar luar Amerika Syarikat berubah sesuai dengan peralihan sistem antarabangsa bipolar kepada unipolar ini. Washington dalam era unipolar ini menjadi semakin rancak dalam projek politik liberalnya dalam arena antarabangsa seperti berusaha mempromosi dan mempertahankan demokrasi liberal di seluruh dunia (Ikenberry, 2011; Smith, 2007). Tony Smith, yang merupakan sarjana liberal daripada Universiti Tufts sebagai contohnya menghujahkan bahawa telah berlaku inovasi dalam ranah teori sains sosial yang mendasari dasar luar tertentu yang dilaksanakan oleh Amerika Syarikat (Smith, 2013). Perubahan yang berlaku pada peringkat teori dan ideologi dalam liberal internasionalisme ini telah menjadikan dasar luar liberal Amerika Syarikat lebih bersifat imperialistik pada pasca Perang Dingin (Smith, 2011; Desch, 2007/2008; Smith, 2013, hlm. 26). Dasar luar Amerika Syarikat pada pasca Perang Dingin iaitu hegemoni liberal dengan kata lain merupakan natijah daripada transformasi liberal internasionalisme ini (Mearsheimer, 2018). Lebih lanjut lagi, liberal internasionalisme pada era 1990-an dan dekad yang seterusnya ini telah berubah menjadi sebuah ideologi yang kukuh dan jelas (*hard ideology*) dalam dasar luar Amerika Syarikat. Hal ini adalah jauh berbeza dengan liberal internasionalisme pada tahap pra-klasik dimana kerangka dan idea teras liberal internasionalisme adalah masih lagi belum jelas dan kukuh (Smith, 2012; Smith, 2007).

Liberal internasionalisme pada hari ini memiliki kerangka konseptual, ideologi dan cita-cita intelektual yang jelas dalam untuk membantu para pembuat dasar Amerika Syarikat bagi mengubah hala tuju dunia dan mempengaruhi perubahan sejarah (Smith, 2012). Liberal internasionalisme sebagai sebuah ideologi yang koheren dan memiliki kerangka konseptual yang jelas menurut Tony Smith (2017), adalah sebuah pendekatan untuk menakrifkan kedudukan Amerika Syarikat dalam politik dunia sebagai sebuah kuasa dominan yang meneraju dan memimpin dalam hal-ehwal antarabangsa. Dasar luar Washington menurut ideologi ini terdiri daripada empat elemen yang berbeza tetapi

saling berkait dan saling menguatkan dalam dasar luar liberal Amerika Syarikat. Empat elemen dalam dasar luar liberal Amerika Syarikat ini adalah (Smith, 2017): **demokrasi**: kerjasama dalam kalangan kerajaan demokratik, b) **perdagangan bebas**: negara-negara demokratik ini terhubung melalui keterbukaan ekonomi, c) **institusi antarabangsa**: perselisihan dan kepentingan bersama dalam kalangan negara dirundingkan melalui institusi pelbagai hala (*multilateral institutions*), dan institusi ini menekankan kepentingan aspek integrasi ekonomi, undang-undang antarabangsa, dan komitmen terhadap pertahanan bersama, d) **kepemimpinan Amerika Syarikat dan keselamatan kolektif**: kebergantungan pada kepemimpinan Amerika Syarikat (*American leadership*) yang bertanggungjawab memimpin komuniti negara yang mahu menjaga keamanan global melalui pendekatan keselamatan kolektif (*collective security*), walaupun hal tersebut bermakna perlu pergi berperang untuk memelihara keamanan tersebut.

6.0 Kesimpulan

Berdasarkan kajian terhadap sejarah dasar luar Amerika Syarikat dan praktiknya dalam politik antarabangsa ini, jelaslah bahawa liberalisme mempunyai sejarah dan pengaruh yang besar dalam dasar luar Amerika Syarikat, sebuah kuasa dunia yang bersistemkan demokrasi dan berideologikan liberalisme. Semenjak dari kemerdekaannya dari empayar British, Amerika Syarikat mempunyai kepentingan yang mendalam dalam mengangkat agenda demokrasi dan kebebasan. Walaupun para pemimpin Amerika Syarikat yang awal tidak mempunyai cita-cita dan amalan dasar luar yang besar dan agresif seperti yang ada pada hari ini – bersesuaian dengan kuasa dan statusnya sebagai kuasa yang lemah pada era 100 tahun pertamanya – sokongan mereka dalam ranah antarabangsa terhadap idealisme liberal dan kerajaan yang mengangkat kedaulatan rakyat adalah merupakan manifestasi pemikiran liberal dalam dasar luar Washington.

Dasar luar Amerika Syarikat dalam era yang selanjutnya menunjukkan bahawa liberal internasionalisme memasuki tahap baharu dari sudut pemikiran, cita-cita dan amalannya dalam dasar luar Amerika Syarikat. Abad ke-20 memperlihatkan Washington telah mula terlibat secara lebih mendalam dalam usaha pembangunan tatanan antarabangsa pada pasca perang (*post-war international order*). Projek tatanan pasca perang oleh Washington ini jelas menonjolkan agenda liberal – seperti pembangunan institusi antarabangsa dan promosi demokrasi – dalam politik antarabangsa, baik pada era pasca Perang Dunia Pertama, pasca Perang Dunia Kedua dan pasca Perang Dingin. Usaha promosi demokrasi Amerika Syarikat yang kadang-kadang dilakukan melalui pendekatan ketenteraan, boleh disimpulkan sebagai manifestasi pengaruh liberalisme dalam dasar luar Amerika Syarikat. Meskipun begitu, projek liberal Amerika Syarikat dalam ranah antarabangsa seperti usaha promosi demokrasi dan penciptaan institusi antarabangsa tidaklah bersandarkan dan didorong semata-mata oleh ideologi liberal.

Seperti yang telah didedahkan pada tahap hegemonik liberal internasionalisme, promosi demokrasi oleh Amerika semasa era Perang Dingin mempunyai aspek perancangan strategik dalam untuk berhadapan dengan Kesatuan Soviet. Amerika Syarikat dengan demikian lebih bersikap “realis” dalam usaha promosi demokrasi, seperti sama ada untuk mendorong atau tidak sesebuah negara autokratik ke arah

peralihan kepada demokrasi (John M. Owen & Poznansky, 2014). Menurut Thomas Carothers (dipetik daripada Nicolas Bauchet, 2013), promosi demokrasi oleh Amerika Syarikat adalah bersifat semi-realis, iaitu dilaksanakan oleh Amerika Syarikat apabila usaha promosi demokrasi tersebut adalah konsisten dengan kepentingan utamanya, dan tidak dilaksanakan Amerika Syarikat apabila tidak selari dengan kepentingan utamanya. Dasar penyebaran demokrasi ini dengan kata lain juga dilaksanakan oleh Washington apabila pembuat dasar Amerika melihatnya sebagai sebahagian daripada kepentingan nasional Amerika Syarikat dan juga memberikan kebaikan pada peringkat global secara umumnya (Bouchet, 2013, hlm. 33).

Sebagai sebuah negara yang semenjak penubuhannya mengangkat agenda liberalisme dan demokrasi, boleh dirumuskan berdasarkan analisis sejarah bahawa pendekatan Amerika Syarikat dalam politik antarabangsa adalah manifestasi kepada dominasi liberalisme dalam ranah domestik Amerika Syarikat. Liberalisme dalam dasar luar Amerika Syarikat ini datang daripada tradisi dan ideologi liberal internasionalisme yang menekankan antaranya usaha-usaha promosi dan mempertahankan demokrasi di seluruh dunia. Dapatan tulisan ini yang telah membincangkan sejarah liberal internasionalisme dalam dasar luar Amerika Syarikat, memerlukan penelitian yang lebih lanjut tentang apakah bentuk dan orientasi dasar luar Amerika Syarikat yang lain yang turut mencerminkan idea-idea liberal serta apakah implikasinya dalam konteks hubungan Amerika Syarikat dengan negara-negara Islam.

7.0 Rujukan

- Allison, G. (2022, Ogos 7). *Mitos Tatanan Liberal*. From STRATEGIK:
<https://mystrategik.wordpress.com/2022/08/07/mitos-tatanan-liberal/>
- Awang, A. H. (2021). *Pemetaan Baharu Dunia Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Permata Ummah.
- Bakar, A. Y., & Jamaluddin, M. F. (2014). *Menjawab Islam Liberal*. Batu Caves: PTS Islamika.
- Bouchet, N. (2013). The democracy tradition in US foreign policy and the Obama presidency. *International Affairs*, 31-51.
- Bridoux, J., & Kurki, M. (2014). *Democracy Promotion: A Critical Introduction*. Abingdon: Routledge.
- Bridoux, J., & Russell, M. (2012). Liberal Democracy Promotion in Iraq: A Model for the Middle East and North Africa? *Foreign Policy Analysis*, 1–20.
- Callaghan, J., O'Connor, B., & Phythian, M. (2019). *Ideologies of American Foreign Policy*. New York: Routledge.
- Congress, U. (2002, October 16). *Authorization for Use of Military Force Against Iraq Resolution of 2002*". From GovInfo: <https://www.govinfo.gov/content/pkg/PLAW-107publ243/pdf/PLAW-107publ243.pdf>
- Desch, M. C. (2007/2008). America's Liberal Illiberalism: The Ideological Origin of Overreaction in U.S. Foreign Policy. *International Security*, 7-43.
- Deudney, D., & Ikenberry, G. J. (2017). Realism, Liberalism and the Iraq War. *Survival*, 7-26.
- Downes, A. B., & Monten, J. (2018). Does spreading democracy by force have a place in US grand strategy? In A. T. Thrall, & B. H. Friedman, *US Grand Strategy in the 21st Century* (p. 28). New York: Routledge.

- Doyle, M. W. (2012). Kant, Liberal Legacies, and Foreign Affairs, Part 1. In M. W. Doyle, *Liberal Peace: Selected Essay* (pp. 14-31). Abingdon: Routledge.
- Doyle, M. W. (2012). Liberalism and world politics. In M. W. Doyle, *Liberal Peace: Selected Essay* (pp. 61-80). New York: Routledge.
- Drammeh, A. M. (2009). *The Fallacy of the Inevitability of Clash of Civilisation: A Common Ground For Mutual Understanding & Co-Existence*. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- Dugis, V. (2016). Liberalisme. In V. Dugis, *Teori Hubungan Internasional: Perspektif-Perspektif Klasik* (pp. 55-80). Surabaya: Cakra Studi Global Strategis (CSGS).
- Fadzil, M. M. (2019, Oktober 25). *Amerika: Agenda, rangkaian dan tajaan*. From Harakahdaily: <https://harakahdaily.net/index.php/2019/10/25/amerika-agenda-rangkaian-dan-tajaan-2/>
- Fadzil, M. M. (2021, September). *Kenapa perlu sedar mengenai pendanaan asing?* From Harakahdaily: <https://harakahdaily.net/index.php/2021/09/23/kenapa-perlu-sedar-mengenai-pendanaan-asing/>
- Farique, A. (2015, May 28). *NED, Projek Demokrasi Amerika Syarikat*. From FOCUS: <https://fokus.my/ned-projek-demokrasi-amerika-syarikat/>
- Folly, M. H. (2013). Harry S. Truman. In M. Cox, T. J. Lynch, & N. Bouchet, *US foreign policy and democracy promotion: from Theodore Roosevelt to Barack Obama* (pp. 86-101). Abingdon: Routledge.
- Freedan, M. (2015). *Liberalism: A Very Short Introduction*. New York: Oxford University Press.
- Fukuyama, F. (2005). Akhir Sejarah? In A. Z. Rofiqi, *Amerika dan Dunia: Memperdebatkan Bentuk Baru Politik Internasional* (pp. 1-34). Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Gordon, P. H. (2020). *Losing the Long Game: The False Promise of Regime Change in the Middle East*. New York: St. Martin's Publishing Group.
- Green, B. R. (2012). Two Concepts of Liberty: U.S. Cold War Grand Strategies and the Liberal Tradition. *International Security*, 9–43.
- Haas, M. L. (2012). *The Clash of Ideologies: Middle Eastern Politics and American Security*. New York: Oxford University Press.
- Hadi, T. G. (2021). *Pemetaan Baharu Dunia Islam*. Gombak: Pustaka Permata Ummah.
- Hamourtziadou, L. (2021, July 23). *From invasion to failed state: Iraq's democratic disillusionment*. From Open Democracy: <https://www.opendemocracy.net/en/north-africa-west-asia/from-invasion-to-failed-state-iraqs-democratic-disillusionment/>
- Harris, K. M. (2018). Islam dan Liberalisme: Antara Masalah dan Mafsadah. *Afkar*, 20(2), 1-52.
- Hehir, A. (2019). *Hollow Norms and the Responsibility to Protect*. London: Palgrave Macmillan.
- Hobson, C. (2015). *The Rise of Democracy: Revolution, War and Transformations in International Politics since 1776*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Hobson, C., Smith, T., Owen, J. M., Geis, A., & Ish-Shalom, P. (2011). Between the Theory and Practice of Democratic Peace. *International Relations*, 147-150.
- Huntington, S. P. (1999). The Lonely Superpower. *Foreign Affairs*, 35-49.
- Husaini, A. (2014). *Wajah Peradaban Barat: dari Hegemoni Kristian ke Dominasi Sekular-Liberal*. Jakarta: Gema Insani.
- Ikenberry, G. J. (2011). *Liberal Leviathan: the origin, crisis, and transformation of the American world order*. New Jersey: Princeton University.

- Illia, A. (2021, Mei 18). *Siasat dana asing diberi agensi AS kepada NGO pro-liberal*. From Ismaweb: <https://ismaweb.net/2021/05/18/siasat-dana-asing-diberi-agensi-as-kepada-ngo-pro-liberal/>
- Ish-Shalom, P. (2013). *Democratic Peace: A Political Biography*. Ann Arbor: The University of Michigan Press.
- Ismail, A. M., & Stapa, Z. (2019). Liberalisme dan pemikiran pemimpin Muslim di Malaysia. *Islamiyyat*, 39-49.
- Ismail, M. T. (2016, November 2). *29 realiti pendanaan asing dari kajian pertamanya*. From malaysiakini: <https://www.malaysiakini.com/news/361322>
- Ismail, M. T. (2019). *Bantuan Demokrasi dan Pendanaan Asing di Malaysia: Melewati Pertukaran Rejim*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Jahn, B. (2013). *Liberal Internationalism: Theory, History, Practice*. Basingstoke: Palgrave Macmillan.
- John M. Owen, I. (2001-2002). Transnational Liberalism and U.S. Primacy. *International Security*, 117-152.
- John M. Owen, I., & Poznansky, M. (2014). When does America drop dictators? *European Journal of International Relations*, 1072-1099.
- Kagan, R. (2022). War and the Liberal Hegemony. *Liberties*.
- Kaufman, J. P. (2013). *Introduction to International Relations: Theory and Practice*. Plymouth: Rowman & Littlefield Publishers, Inc.
- Krasner, S. D. (2020). *How to Make Love to a Despot: An Alternative Foreign Policy for the Twenty-First Century*. New York: W. W. Norton & Company, Inc.
- Lawson, S. (2015). *Theories of international relations: contending approaches to world politics*. Cambridge: Polity Press.
- Layne, C. (2006). The Unipolar Illusion Revisited: The Coming End of the United States' Unipolar Moment. *International Security*, 7-41.
- Layne, C. (2018). The US-Chinese power shift and the end of the Pax Americana. *International Affairs*, 89-111.
- Lynn-Jones, S. M. (1998, March). *Why the United States Should Spread Democracy*. From The Belfer Center for Science and International Affairs: <https://www.belfercenter.org/publication/why-united-states-should-spread-democracy>
- Mandelbaum, M. (2002). *The Ideas That Conquered The World: Peace, Democracy, And Free Markets In The Twenty-First Century*. New York: PublicAffairs.
- Mandelbaum, M. (2022). *The Four Ages of American Foreign Policy: Weak Power, Great Power, Superpower, Hyperpower*. New York: Oxford.
- Maoz, Z., & Russett, B. (1993). Normative and Structural Causes of Democratic Peace, 1946-1986. *The American Political Science Review*, 624-638 .
- Mcculloch, T. (2013). Franklin D. Roosevelt. In M. Cox, T. J. Lynch, & N. Bouchet, *US Foreign Policy and Democracy Promotion: From Theodore Roosevelt to Barack Obama* (pp. 69-85). Routledge.
- Mearsheimer, J. J. (2005, May 18). *Hans Morgenthau and the Iraq war: realism versus neo-conservatism*. From Hans Morgenthau and the Iraq war: realism versus neo-conservatism: https://www.opendemocracy.net/en/morgenthau_2522jsp/
- Mearsheimer, J. J. (2011). Imperial by Design. *The National Interest*, 16-34.
- Mearsheimer, J. J. (2018). *Great Delusion: Liberal Dream and International Realities*. New Haven: Connecticut.
- Mearsheimer, J. J. (2019). Bound to Fail: The Rise and Fall of the Liberal International Order . *International Security*, 7-50.

- Menon, R. (2018). *The Conceit of Humanitarian Intervention*. New York: Oxford University Press.
- Mitchell, L. A. (2016). *The Democracy Promotion Paradox*. Washington: Brookings Institution Press.
- Mizokami, K. (2022, January 19). *Don't Foget: The Spanish-American War Made the U.S. a Superpower*. From The National Interest: <https://nationalinterest.org/blog/reboot/dont-foget-spanish-american-war-made-us-superpower-199598>
- Mohamad Kamil, I. M. (2022). Falsafah Liberalisme di Malaysia: Satu Sorotan Awal. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 61–72.
- Monteiro, N. P. (2014). *Theory of Unipolar Politics*. Cambridge : Cambridge University Press.
- Morgan, J. (2021, May 9). [Bookmark] *Why Does the U.S.-imposed Constitution Continue to Frame Japan as a Nation?* From Japan Forward: https://japan-forward.com/bookmark-why-does-the-u-s-imposed-constitution-continue-to-frame-japan-as-a-nation/?gsearch=click&gclid=Cj0KCQjwqNqkBhDIARIsAFaxvwyo1Fsfyreh9SE2lx6mP3zWfTKApINpW2QlyHkuOcPeA9jxgrwra60aAonREALw_wcB
- Muammar, K. (2009). *Atas Nama Kebenaran: Tanggapan Kritis Terhadap Wacana Islam Liberal*. Bangi: INSTITUT ALAM DAN TAMADUN MELAYU (ATMA).
- Onion, A., Sullivan, M., & Mullen, M. (2022, July 29). *Thomas Paine*. From History.com: <https://www.history.com/topics/american-revolution/thomas-paine>
- Owen, J. M. (1994). How Liberalism Produces Democratic Peace. *International Security*, 87-125.
- Owen, J. M. (2011). Liberal Tradition, not Social Science. *International Relations*, 158-163.
- Owen, J. M. (2018). Liberalism and Its Alternatives, Again. *International Studies Review*, 309–316.
- Porter, P. (2017). Iraq: a liberal war after all: a critique of Dan Deudney and John Ikenberry. *Int Polit*.
- Porter, P. (2018). Why America's Grand Strategy Has Not Changed: Power, Habit, and the U.S. Foreign Policy Establishment. *International Security*, 9 – 46.
- Posen, B. R., & Ross, A. L. (1996-1997). Competing Visions for U.S. Grand Strategy. *International Security*, 5-53.
- Ramli, W. A. (2018). Liberal Demokrasi Suatu Bencana Kepada Dunia Islam. *WACANA PEMIKIRAN DAN PERADABAN UMMAH KE-10* (pp. 1-28). Putrajaya: Muafakat.
- Roper, J. (2013). John F. Kennedy and Lyndon Johnson. In M. Cox, T. J. Lynch, & N. Bouchet, *US foreign policy and democracy promotion: From Theodore Roosevelt to Barack Obama* (pp. 102-120). Abingdon: Routledge.
- Rosato, S. (2011). On the Democratic Peace. Dalam C. J. Coyne, & R. L. Mathers, *The Handbook on the Political Economy of War* (hlm. 281-314). Northampton: Edward Elgar Publishing, Inc.
- Russett, B. (2011). *Hegemony and Democracy*. New York: Routledge.
- Salleh, N. M., Haridi, N. H., Ismail, A. M., & Noor, M. S. (2021, May). Modus Operandi Gerakan Liberalisme di Malaysia. *IJISTRA*, 2(2).
- Salleh, N. M., Zakaria, P. Y., & Haridi, N. H. (2018). Historiografi Liberalisme dalam Kalangan Masyarakat Barat. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 67-79.

- Sani, M. A. (2012). *Amerika Syarikat dan Keseimbangan Kuasa Global Pada Era Pasca-Perang Dingin 1989–2000*. Sintok: UUM Press.
- Schweller, R. L. (2017). The Concept of Middle Power. In D. V. Cha, & M. Dumond, *The Korean Pivot: The Study of South Korea as a Global Power* (p. 96). Washington: The Center for Strategic and International Studies.
- Sinha, A. (2017, November 30). *John J. Mearsheimer on "Liberal Ideals and International Realities"*. From Yale Macmillan Center: <https://macmillan.yale.edu/news/john-j-mearsheimer-liberal-ideals-and-international-realities>
- Smith, T. (2007). *A Pact with the Devil: Washington's Bid for World Supremacy and the Betrayal of the American Promise*. New York: Routledge.
- Smith, T. (2007). *A Pact with the Devil: Washington's Bid for World Supremacy and the Betrayal of the American Promise*. New York: Routledge.
- Smith, T. (2007). *A Pact with the Devil: Washington's Bid for World Supremacy and the Betrayal of the American Promise*. New York: Routledge.
- Smith, T. (2011). Democratic Peace Theory: From Promising Theory to Dangerous Practice. *International Relations*, 151-157.
- Smith, T. (2012). *America's Mission: The United States and the Worldwide Struggle for Democracy - Expanded Edition*. Princeton: Princeton University Press.
- Smith, T. (2013). Democracy Promotion from Wilson to Obama. In M. Cox, T. J. Lynch, & N. Bouchet, *US Foreign Policy and Democracy Promotion: From Theodore Roosevelt to Barack Obama* (pp. 13-36). London: Routledge.
- Smith, T. (2017). *Why Wilson Matters: The Origin of American Liberal Internationalism and Its Crisis Today*. Princeton: Princeton University Press.
- Snyder, J. (2004). One World, Rival Theories. *Foreign Policy*, 52-62.
- Sohnius, S. (2013). The United States: the American way of leading the world into democratic wars. In A. Geis, H. Müller, & N. Schörning, *The Militant Face of Democracy: Liberal Forces for Good* (pp. 51-88). Cambridge: Cambridge University Press.
- Suharto, U. (2012). *Pemikiran Islam Liberal: Pembahasan Isu-Isu Sentral* (2nd ed.). Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Thompson, J. A. (2013). Woodrow Wilson. In M. Cox, T. J. Lynch, & N. Bouchet, *US Foreign Policy and Democracy Promotion: From Theodore Roosevelt to Barack Obama* (pp. 53-68). Abingdon: Routledge.
- Trask, D. (2011, June 22). *The Spanish-American War*. From Library of Congress: <https://www.loc.gov/rr/hispanic/1898/trask.html#:~:text=Between%201895%20and%201898%20Cuba,States%20was%20the%20culminating%20event.>
- Wahab, A. (2012). *Demokrasi Liberal: Strategi Penjajahan Baru Barat Di Dunia Islam*. From Ismaweb: <https://tigerchain.blogspot.com/search?q=demokrasi-liberal-strategi-penjajahan-baru-barat-di-dunia-islam>
- Wahab, M. R. (2017). Ancaman Liberalisme di Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 17-40.
- Wahab, M. R. (2019). Kritikan liberalisme terhadap institusi Islam dalam wacana negara sekular: satu penelitian awal. *Jurnal Al-Ummah*, 37-88.
- Walt, S. M. (1998). International Relations: One World, Many Theories. *Foreign Policy*, 29-32+34-46.
- Walt, S. M. (2018). *The Hell of Good Intentions: America's Foreign Policy Elite and the Decline of U.S. Primacy*. Just World Books.
- Wong, A. R. (2019). *Dunia Tanpa Tembok II*. Kuala Lumpur: Patriots Publishing.
- Wong, A. R. (2020). *Dunia Tanpa Tembok III*. Kuala Lumpur: Patriots Publishing.

- Wong, A. R. (2021). *Politik Untuk Pemula*. Kuala Lumpur: Patriots Publishing.
- Yaacob, M. N. (2021). Historiografi Ideologi Moden Barat: Suatu Pengenalan. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 38-52.
- Zakaria, F. (2003). *The Future of Freedom: Illiberal Democracy at Home and Abroad*. New York: W.W. Norton & Company Inc.
- Zakaria, F. (2005). Bangkitnya Demokrasi yang Tak Liberal. In A. Z. Rofiqi, *Amerika dan Dunia: Memperdebatkan Bentuk Baru Politik Internasional* (pp. 165-192). Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Zarkasyi, H. F. (2009). Liberalisasi Pemikiran Islam: Gerakan Bersama Missionaris, Orientalis dan Kolonialis. *Jumadal TSAQAFAH*.